

SOALAN NO: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 15 JUN 2015

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pindaan gaji minimum dikaji semula sesuai dengan keadaan sekarang.

PR-1332-L69080

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, proses Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2012 telah selesai dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN) seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) yang menetapkan supaya kajian semula Perintah Gaji Minimum dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2

tahun. Kajian yang dilaksanakan oleh pihak JTPGN telah mengambilkira peningkatan kos sara hidup rakyat yang sesuai dengan keadaan sekarang.

2. Susulan daripada itu, hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) dan pihak MPGN melalui Kementerian Sumber Manusia sedang membawa syor berhubung kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012 kepada Kerajaan untuk dimuktamadkan.